

# MAJLIS PENUTUP SEMINAR PEGAWAI KANAN KLLU TUDM

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2739-majlis-penutup-seminar-pegawai-kanan-kllu-tudm](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2739-majlis-penutup-seminar-pegawai-kanan-kllu-tudm)

PORT DICKSON, 30 Nov 17 - Panglima Operasi Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM telah membuat Penggulangan Resolusi dan merasmikan penutupan Seminar Pegawai-pegawai Kanan Cawang Kawalan Lalulintas Udara (KLLU) TUDM Siri 1/17 yang berlangsung dari 27 hingga 30 Nov 17 di Port Dickson Golf Country Club, Negeri Sembilan.



Seminar ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan latihan, operasi dan juga perancangan sumber manusia Cawang KLLU bagi terus memastikan setiap keperluan operasi penerbangan tentera ataupun awam terus dapat dilaksanakan. Pada masa yang sama Panglima Operasi Udara turut diberi taklimat dan rumusan berkenaan seminar oleh Pengarah Kurikulum MPPLU, YBhg Kol Thamilanty A/L Periasamy TUDM.



Turut hadir seminar ini Ketua Pengarah Sekretariat, YBhg Brig Jen Dato' Hanafiah bin Abdul Manaf TUDM, Pengarah Kurikulum MPPLU, YBhg Kol Thamilanty A/L Periasamy TUDM, Penyiasat Biro Kemalangan Udara Kementerian Pengangkutan Malaysia, YBhg Kol Shamsudin bin Mahadi TUDM dan Pegawai-pegawai Kanan KLLU dari seluruh pangkalan TUDM.

